

Kuala Lumpur: Blok A Bangunan Sri Desa Entrepreneur Park di Jalan Kuchai Lama, di sini, yang terjejas sehingga 10 kenderaan rosak teruk akibat kejadian runtuhannya konkrit, kelmarin diarah tutup atas faktor keselamatan.

Ketua Polis Daerah Brickfields Asisten Komisyoner Amihizam Abdul Shukor berkata, penutupan blok A perlu dibuat sehingga laporan penuh diterima daripada jururunding bebas.

Menurutnya, pihaknya juga memastikan tiada orang keluar masuk di sekitar kawasan bencana

Blok A diarah tutup, tunggu laporan penuh

yang mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Pertubuhan Ikram Malaysia turut memeriksa bangunan berkenaan.

“Hasil pemeriksaan awal mendapati tingkat empat bangunan ini didapati tidak selamat dan kita cuma benarkan pemilik premis di tingkat satu, dua dan tiga untuk mengalihkan barang penting secara berpering-

kat.

“Manakala Badan Pengurusan Bersama (JMB) bangunan diarahkan untuk melantik jururunding bagi menilai tahap keselamatan.

“Sekiranya laporan perunding bebas menyatakan bangunan ini selamat (untuk diduduki) dan boleh dibaiki, barulah pihak pengurusan bangunan dibenar-

kan mengalihkan sisa bangunan,” katanya pada sidang akhbar, di sini.

Mengulas lanjut, Amihizam berkata, jumlah kerugian sebenar hanya akan diketahui selepas laporan penuh dikeluarkan pakar berkenaan.

Katanya, mana-mana pemilik kenderaan yang mengalami kecederaan diminta untuk membuat laporan di balai polis berhampiran.

Sementara itu, Pusat Perkhidmatan DAP Seputeh antara premis yang terjejas dalam kejadian runtuhannya struktur konkrit di bangunan berkenaan.